# Kejohanan Sukan K.K.U.I.T.M '75



25hb. Julai hingga 23hb. Ogos 1975

Anjuran
Kesatuan Kakitangan Umum
Institiut Teknoloji Mara

COPYRIGHT © UiTM



*KATA-KATA ALUAN*
*DARI*
*PEMANGKU PENGARAH*

Kepada Jawatankuasa Penganjur Kejohanan Sukan KKUITM tahun ini, saya ingin mengucapkan terima kasih atas kesempatan yang telah diberi kepada saya untuk melahirkan sepatah dua kata bagi progrem cenderamata ini.

Terlebih dahulu, saya ucapkan tahniah kepada jawatankuasa yang telah berusaha bersungguh untuk menjayakan acara sukan ini.

Acara sukan merupakan satu peluang yang baik dan bererti bagi semua kakitangan ITM. Dari sukan, lahirlah sikap yang membina, dimana tiap-tiap peserta beradu bukan sahaja dengan lawan-lawan yang lain tetapi dengan diri sendiri untuk mencuba kepasiti maksimanya sendiri, dan membuktikan kehandalannya.

Kedua ialah kelahiran perasaan untuk menyumbangkan tenaga untuk kebaikan pasukan pada keseluruhannya dan bukan sahaja untuk diri sendiri. Dari bermulanya "team spirit" dalam sukan, saya berharap akan terjalinlah perasaan yang sama dalam tugas-tugas lain di ITM. Kita harus sedar bahawa kemajuan dan kejayaan ITM bukan bergantung kepada usaha seorang atau dua tetapi kepada sumbangan tiap-tiap kakitangan ITM.

Akhir sekali, acara sukan memberi peluang yang baik untuk semua kakitangan, tidak kira dari mana lapisan ataupun bahagian, untuk berhimpun dan beramah mesra dalam keadaan yang senang. Kita dapati bahawa dalam kesibukan menjalankan tugas masing-masing, peluang untuk bergaul dengan kakitangan lain, terutama sekali mereka yang bertugas dalam jabatan atau bahagian yang berasingan, terhad sekali. Oleh demikian, saya harap kakitangan ITM akan mengguna hari ini untuk membina semangat bersatu padu yang membina.

Majulah sukan untuk kekukuhan ITM.

Terima kasih.

(Mohd. Tahir Abdul Majid)



COPYRIGHT © UiTM



*KATA-KATA ALUAN UNTUK*
*KEJOHANAN SUKAN K.K.U.I.T.M. 1975*

Saya mengucapkan tahniah kepada Kesatuan Kakitangan-Kakitangan Umum Institiut Teknoloji MARA kerana menganjurkan Kejohanan Sukan Tahunan 1975. Inilah tahun ke dua Sukan seperti ini diadakan berturut-turut dan ahli-ahli Kesatuan ini patutlah berbangga kepada Jawatankuasa Kerja yang ada sekarang. Pada tahun lepas Kejohanan ini amat meriah sekali. Saya harap pada tahun ini Kejohanan tersebut akan lebih berjaya lagi, dan menambahkan persefahaman dan semangat diantara ahli-ahli dan keluarga masing-masing. Jarang saya dengar sebuah Kesatuan Sekerja yang menganjurkan acara-acara sukan. Kebanyakan daripada mereka lebih menumpukan kepada perkara-perkara yang berkait dengan perhubungan perusahaan dan masaalah-masaalah perkhidmatan.

Saya harap dengan adanya sukan seperti ini, bukan sahaja dapat mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang sukan tetapi juga akan dapat mengeluarkan 'jagoh-jagoh' sukan ITM untuk dipertandingkan dalam kejohanan-kejohanan sukan di antara Pusat-Pusat Pengajian Tinggi di negara kita ini. Sekiranya kita dapat menunjukkan suatu semangat kesokanan yang baik didalam kejohanan-kejohanan tersebut, itu sudah tentu akan menaikkan imej ITM di kalangan orang ramai disamping kejayaan-kejayaan yang dicapai dalam bidang akademik.

Akhir sekali, saya percaya dengan adanya kerjasama Unit Sukan ITM, sudah tentu kejohanan sukan pada tahun ini dan juga di tahun-tahun yang akan datang akan mencapai kejayaan serta memberi faedah kepada kita semua.

*"MAJULAH SUKAN UNTUK ITM; MAJULAH ITM UNTUK NEGARA"*

ABDUL KUDDUS HJ. AHMAD
Pendaftar


COPYRIGHT © UiTM



KATA-KATA ALUAN
DARI
YANG DIPERTUA KKUITM

Saya rasa gembira kerana dapat peluang sekali lagi menyampaikan sepatah dua kata melalui buku cenderamata kejohanan sukan kali yang kedua tahun 1975 dibawah anjoran KKUITM.

Terlebih dahulu saya bagi pihak KKUITM mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah diatas minat yang diberikan oleh pengerusi dan jawatankuasa kejohanan sukan KKUITM yang kedua ini, untok menjayakan kejohanan tersebut. Saya berharap acara kejohanan sukan pada tahun ini akan dapat dijayakan dengan lebih baik lagi dari tahun yang lalu dengan adanya sokongan yang menggalakan dari semua ahli-ahli sekelian yang kini mula menunjokkan minat mula berlatih dengan bersungguh-sungguh untok persediaan bagi memasuki kejohanan tersebut. Seterusnya saya berharap, muga-muga kejohanan seumpama ini dari ahli-ahli KKUITM sekelian mempunyai bakat dan minat didalam berbagai-bagai jenis permainan dan dengan adanya acara kejohanan seumpama ini maka berpeluanglah mereka ini menunjukkan kebolihan masing-masing.

Kejohanan ini juga tidak akan berjaya dengan sepenohnya jikalau tidak mendapat kerjasama dari pihak pentadbiran yang sentiasa memberi sokongan dan galakan terhadap kejohanan seumpama ini.

Sekian, terima kasih.

(Abdul Rashid Jusoh)
Yang diPertua KKUITM

COPYRIGHT © UiTM



KATA-KATA ALUAN
DARI
SETIAUSAHA AGUNG KKUITM

Anda yang dihurmati!

Hari ini kita sama-sama berhadapan sekali lagi dengan aktibiti sukan yang dianjurkan oleh Kesatuan Kakitangan Umum Institiut Teknoloji MARA. Projek yang dianjurkan dan yang dirancangkan ini adalah menelan belanja yang agak besar, dengan tujuan adalah semata-mata untok memberi galakan kepada ahli-ahli KKUITM kearah menunjukan bakat serta menumpukan minat mereka kearah kesukanan.

Oleh itu kita harap semoga usaha kearah melahirkan bakat pemain kian dapat ditambah dengan kemunculan berbagai pertandingan-pertandingan yang dianjurkan ini, disamping itu juga kita berharap semoga mutu permainan kian dapat mencapai taraf yang lebih sempurna selaras dengan apa yang dikehendaki oleh Negara yang sedang membangun. Kita percaya juga, usaha seumpama ini, dan yang dianjurkan ini, mudah menarik minat dari semua kalangan bukan sahaja ahli-ahli malah pekerja-pekerja seluruhnya.

Satu perkara yang amat perlu disentuh disini ialah semoga tiap orang akan selalu menyemak semula kedudukan dirinya samada sudah menjadi ahli KKUITM ataukah masih menyamar diri atas kadar semata-mata kerana mahu mengikuti kegiatan yang diatur.

KKUITM adalah untok anda - untok seluruh kakitangan yang berkhidmat dengan ITM. Akan sia-sialah penganugerahan dan pengiktirafan yang telah diberi oleh majikan terhadap Kesatuan ini kalau sekiranya kakitangan-kakitangan samaada yang baru atau yang sudah lama bekerja tetapi masih menangguh-nangguhkan pendaftaran untok masuk menjadi ahli KKUITM sendiri.

Oleh itu kita mengambil peluang menarik perhatian yang wajar dari anda seluruhnya. KKUITM bukan sahaja perlukan minat malah daya usaha serta bakat pimpinan yang ada pada saudara saudari untok muncul sebagai pemimpin.

Sekian, terima kasih.

(Nadzriwahab)
Setiausaha Agung,
Kesatuan Kakitangan Umum ITM


COPYRIGHT © UiTM



KATA-KATA ALUAN DARI
PENGERUSI PENGELOLA PERTANDINGAN
KEJOHANAN SUKAN KKUITM TAHUN 1975

Dengan rasa penuh gembiranya, saya bagi pihak Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Sukan KKUTIM tahun 1975, menyampaikan rasa penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Tertinggi KKUITM yang melantik dan memberi kepercayaan penuh kepada saya untuk menjayakan sukan yang sangat besar ertinya ini.

Dengan adanya kejohanan sukan KKUITM kali ke 2 ini, adalah peluang dan masa yang ditunggu-tunggu oleh semua saudara-saudara untok mencuba mencapai kejayaan yang lebih baik bagi ditahun ini. Tahun ini adalah kali yang kedua KKUITM dapat melaksanakan kejohanannya, tentulah mengembirakan kepada saudara-saudara yang mempunyai penuh minat dalam lapangan sukan, khasnya di ITM ini. Dengan adanya hadiah piala-piala pusingan dari para-para dermawan budiman di tahun yang lalu, tentulah tahun ini dirasakan semangat dan hasrat yang bersungguh-sungguh dari saudara-saudara semua untok bermain berhempas-pulas, impikan kemenangan, mendada tinggi!!!

Kejayaan yang saudara-saudara capai nanti adalah satu *kemenangan besar untok saudara-saudara semua,* dan biarlah harapan dan cita-cita untok mencapai kemenangan itu, saudara-saudara semua sebagai jaguh-jaguh sukan yang dihurmati dapat saudara-saudara korbankan untok masuk bertanding dengan "PENUH SEMANGAT KESUKANAN"

Ribuan terimakasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Jawatankuasa Tertinggi KKUITM. Pihak Pentadbiran Bahagian Sukan ITM dan pihak-pihak yang berkenaan yang memberi sokongan dan berkerjasama kepada kami untok menjayakan Kejohanan Sukan KKUITM tahun 1975.

"MAJULAH SUKAN UNTUK ITM DAN NEGARA"

(Mohd. Yusoff bin Hassan)
Pengerusi,
Jawatankuasa Penglola Kejohanan
Sukan KKUITM 1975


COPYRIGHT © UiTM

JAWATANKUASA KERJA KEJOHANAN
SUKAN KKUITM BAGI TAHUN 1975

PENAONG
ENCIK ABD. RASHID JUSOH
(Presiden KKUITM)

PENASIHAT
ENCIK AMERAN RERAH
ENCIK MUHAMMAD YASSIN ISMAIL
ENCIK SAIDIN SAAD

PENGERUSI JAWATANKUASA PENGELOLA
ENCIK MOHD. YUSOFF HASSAN

| SETIAUSAHA KERJA | PEN. SETIAUSAHA | BENDAHARI |
|---|---|---|
| EN. BAHARY HJ. ALANG | EN. NOORDIN RASHID | EN. HASHIM DAUD. |

PENGELOLA-PENGELOLA PERLAWANAN

| | | |
|---|---|---|
| BOLA SEPAK | : | EN. ISMAIL YUSOF |
| | : | EN. BAHARUDIN HAMZAH |
| | : | EN. ARSHAD ABD. RAHMAN |
| SEPAK TAKRAW | : | EN. RAHIM HUSSIN |
| | : | EN. RAHIM JAAFAR |
| | : | EN. ZAMZAMI SULAIMAN |
| TENNIS MEJA | : | EN. NIZAM NORDIN |
| | : | EN. MOHD. JAIS SALLEH |
| | : | EN. KHAZALI NASIR. |
| BOLA TANGKIS | : | EN. ABD. KADIR HAMID |
| | : | EN. RAHMAN GHANI |
| | : | EN. HARUN MD. JAMIL |
| KARROM | : | EN. MAHBUB SAID |
| | : | EN SLIM ZAKARIA |
| | : | EN. JOHARI ALI |
| CATUR | : | EN. JAAFAR LATIF |
| | : | EN. ABD. RAZAK DEDIN |
| HOKI | : | EN. RIZALLUDIN IBRAHIM |
| | | EN. HAMZAH BAHARUN |
| | : | EN. ANUAR YAAKOB |
| BOLA JARING | : | CIK SENAH ISNIN |
| | : | CIK HALIJAH BUANG |


COPYRIGHT © UiTM

Pada tahun ini pasukan-pasukan yang akan bertanding adalah mempunyai enam pasukan:

| | | |
|---|---|---|
| 1. | KELAB PUTRA | (JABATAN PERPUSTAKAAN ITM) |
| 2. | KELAB BIMA | (JABATAN PENTADBIRAN & KEWANGAN ITM) |
| 3. | KELAB BAKA | (JABATAN BANGUNAN & KAWASAN ITM) |
| 4. | PASUKAN ASRAMA | (JABATAN ASRAMA ITM) |
| 5. | PASUKAN URUSAN MAKANAN | (JABATAN URUSAN MAKANAN ITM) |
| 6. | PASUKAN PESAKA | (MENGANDUNGI SEMUA KAJIAN-KAJIAN ITM) |

Jenis-jenis permainan yang akan dipertandingkan ialah:

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Bola sepat | - | Sistem leg (Kumpulan) |
| 2. | Sepak Takraw | - | sistem leg (Kumpulan) |
| 3. | Bola Tangkis | - | Kalah mati |
| 4. | Tennis Meja | - | Sistem leg (Kumpulan) |
| 5. | Karom | - | Sistem leg (Kumpulan) |
| 6. | Catur | - | Sistem leg (Kumpulan) |
| 7. | Hoki | - | 7 Sebelahan leg (Kumpulan) |
| 8. | Bola Jaring | - | Sistem leg (Kumpulan) |

Kejohanan KKUITM telah pertama kali dijalankan pada tahun 1974. Pasukan-pasukan yang mendapat kejuaraan adalah:-

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Bola Sepak | - | Johan - PUTRA<br>(Johan bersama) MAKANAN |
| 2. | Sepak Takraw | - | Johan - KEBAKA<br>Naib Johan - PUTRA |
| 3. | Bola Tangkis | - | Johan - BIMA<br>Naib Johan - MAKANAN |
| 4. | Tennis Meja | - | Johan - KEBAKA<br>Naib Johan - PUTRA |
| 5. | Karrom | - | Johan - BIMA<br>Naib Johan - PUTRA |
| 6. | Catur | - | Johan - BIMA<br>Naib Johan - PESUMA (KAJIAN) |
| 7. | Bola Jaring | - | Johan - BIMA<br>Naib Johan - KAJIAN SEKOLAH-SEKOLAH |
| 8. | Johan Keseluruhan | - | BIMA |


COPYRIGHT © UiTM

PANDUAN BAGI KUMPULAN-KUMPULAN PERMAINAN
UNTUK TIAP-TIAP PASUKAN

(1) BOLA SEPAK

| KUMPULAN A | KUMPULAN B |
|---|---|
| 1. MAKANAN | 1. PUTRA |
| 2. PESAKA | 2. BIMA |
| 3. ASRAMA | 3. BAKA |

(2) HOKI

| KUMPULAN A | KUMPULAN B |
|---|---|
| 1. PESAKA | 1. BIMA |
| 2. BAKA | 2. MAKANAN |
| 3. PUTRA | |

(3) SEPAK TAKRAW

| KUMPULAN A | KUMPULAN B |
|---|---|
| 1. PUTRA | 1. BAKA |
| 2. BIMA | 2. MAKANAN |
| 3. PESAKA | 3. ASRAMA |

(4). TENNIS MEJA

| KUMPULAN A | KUMPULAN B |
|---|---|
| 1. BAKA | 1. PUTRA |
| 2. BIMA | 2. MAKANAN |
| 3. PESAKA | |

(5) BOLA TANGKIS

Adalah seperti di dalam jadual pertandingan kerana perlawanan kalah mati.

(6) CATOR

| KUMPURAN A | KUMPULAN B |
|---|---|
| 1. PESAKA | 1. BIMA |
| 2. BAKA | 2. PUTRA |
| | 3. MAKANAN |

(7) KARROM

| KUMPULAN A | KUMPULAN B |
|---|---|
| 1. BIMA | 1. PUTRA |
| 2. MAKANAN | 2. BAKA |
| 3. PESAKA | 3. ASRAMA |

(8) BOLA JARING WANITA

| KUMPULAN A | KUMPULAN B |
|---|---|
| 1. PESAKA | 1. BIMA |
| 2. PUTRA | 2. MAKANAN |


COPYRIGHT © UiTM

JADUAL PERLAWANAN BAGI TIAP-TIAP PASUKAN

1. BOLA SEPAK

| NAMA PASUKAN | HARIBULAN | HARI | JAM |
|---|---|---|---|
| MAKANAN LWN PESAKA | 25.7.75 | JUMAAT | 5.15 ptg. |
| PUTRA LWN PESAKA | 28.7.75 | ISNIN | 5.15 ptg. |
| PESAKA LWN ASRAMA | 31.7.75 | KHAMIS | 5.15 ptg. |
| BIMA LWN BAKA | 4.8.75 | ISNIN | 5.15 ptg. |
| PUTRA LWN BAKA | 5.8.75 | SELASA | 5.15 ptg. |
| MAKANAN LWN ASRAMA | 7.8.75 | KHAMIS | 5.15 ptg. |
| SEPARUH AKHIR: | | | |
| JOHAN A LWN NAIB JOHAN B | 11.8.75 | ISNIN | 5.15 ptg. |
| JOHAN B LWN NAIB JOHAN A | 14.8.75 | KHAMIS | 5.15 ptg. |
| AKHIR | | | |
| PERLAWANAN AKHIR | 23.8.75 | SABTU | 5.15 ptg. |

2. HOKI

| NAMA PASUKAN | HARIBULAN | HARI | JAM |
|---|---|---|---|
| BIMA LWN MAKANAN | 30.7.75 | RABU | 4.30 ptg. |
| PESAKA LWN BAKA | 30.7.75 | RABU | 5.15 ptg. |
| PUTRA LWN BAKA | 1.8.75 | JUMAAT | 4.30 ptg. |
| PUTRA LWN PESAKA | 6.8.75 | RABU | 4.30 ptg. |
| SEPARUH AKHIR: | | | |
| JOHAN A LWN NAIB JOHAN B | 8.8.75 | JUMAAT | 4.30 ptg. |
| JOHAN B LWN NAIB JOHAN A | 8.8.75 | JUMAAT | 5.15 ptg. |
| AKHIR | | | |
| PERLAWANAN AKHIR | 13.8.75 | RABU | 5.15 ptg. |

3. SEPAK TAKRAW

| NAMA PASUKAN | HARIBULAN | HARI | JAM |
|---|---|---|---|
| PUTRA LWN BIMA | 25.7.75 | JUMAAT | 4.30 ptg. |
| BAKA LWN MAKANAN | 28.7.75 | ISNIN | 4.30 ptg. |
| MAKANAN LWN ASRAMA | 29.7.75 | SELASA | 4.30 ptg. |
| PESAKA LWN BIMA | 1.8.75 | JUMAAT | 4.30 ptg. |
| PUTRA LWN PESAKA | 4.8.75 | ISNIN | 4.30 ptg. |
| BAKA LWN ASRAMA | 6.8.75 | RABU | 4.30 ptg. |


COPYRIGHT © UiTM

| SEPARUH AKHIR | | | |
|---|---|---|---|
| JOHAN A LWN NAIB JOHAN B | 12.8.75 | SELASA | 4.30 ptg. |
| JOHAN B LWN NAIB JOHAN A | 12.8.75 | SELASA | 4.30 ptg. |

| AKHIR | | | |
|---|---|---|---|
| PERLAWANAN AKHIR | 15.8.75 | JUMAAT | 4.30 ptg. |

4. TENNIS MEJA

| NAMA PASUKAN | HARIBULAN | HARI | JAM |
|---|---|---|---|
| BAKA LWN PESAKA | 26.7.75 | Sabtu | 2.00 ptg. |
| BIMA LWN PESAKA | 26.7.75 | Sabtu | 2.00 ptg. |
| BIMA LWN BAKA | 26.7.75 | Sabtu | 2.00 ptg. |
| PUTRA LWN MAKANAN | 26.7.75 | Sabtu | 2.00 ptg. |
| SEPARUH AKHIR | | | |
| JOHAN A LWN NAIB JOHAN B | 26.7.75 | Sabtu | 5.00 ptg. |
| JOHAN B LWN NAIB JOHAN A | 26.7.75 | Sabtu | 5.00 ptg. |
| AKHIR | | | |
| PERLAWANAN AKHIR | 26.7.75 | Sabtu | 6.00 ptg. |

5. BOLA TANGKIS

| NAMA PASUKAN | HARIBULAN | HARI | JAM |
|---|---|---|---|
| PESAKA LWN BAKA | 29.7.75 | SELASA | 4.30 ptg. |
| ASRAMA LWN PUTRA | 30.7.75 | RABU | 4.30 ptg. |
| SEPARUH AKHIR | | | |
| MAKANAN LWN PESAKA/BAKA | 5.8.75 | SELASA | 4.30 ptg. |
| BIMA LWN ASRAMA/PUTRA | 7.8.75 | KHAMIS | 4.30 ptg. |
| AKHIR | | | |
| PERLAWANAN AKHIR | 18.8.75 | ISNIN | 4.30 ptg. |

6. CATUR

| NAMA PASUKAN | HARIBULAN | HARI | JAM |
|---|---|---|---|
| PESAKA LWN BAKA | 9.8.75 | SABTU | 2.00 ptg. |
| BIMA LWN PUTRA | 9.8.75 | SABTU | 2.00 ptg. |
| BIMA LWN MAKANAN | 9.8.75 | SABTU | 2.00 ptg. |
| PUTRA LWN MAKANAN | 9.8.75 | SABTU | 2.00 ptg. |


COPYRIGHT © UiTM

| | | | |
|---|---|---|---|
| JOHAN A LWN NAIB JOHAN B | 16.8.75 | SABTU | 2.00 ptg. |
| JOHAN B LWN NAIB JOHAN A | 16.8.75 | SABTU | 2.00 ptg. |

AKHIR

| | | | |
|---|---|---|---|
| PERLAWANAN AKHIR | 16.8.75 | SABTU | 3.30 ptg. |

7. KARROM

| NAMA PASUKAN | HARIBULAN | HARI | JAM |
|---|---|---|---|
| BIMA LWN MAKANAN | 2.8.75 | SABTU | 2.00 ptg. |
| BIMA LWN PESAKA | 2.8.75 | SABTU | 2.00 ptg. |
| MAKANAN LWN PESAKA | 2.8.75 | SABTU | 2.00 ptg. |
| PUTRA LWN BAKA | 2.8.75 | SABTU | 2.00 ptg. |
| PUTRA LWN ASRAMA | 2.8.75 | SABTU | 3.00 ptg. |
| BAKA LWN ASRAMA | 2.8.75 | SABTU | 3.30 ptg. |
| SEPARUH AKHIR | | | |
| JOHAN A LWN. NAIB JOHAN B | 2.8.75 | SABTU | 4.00 ptg. |
| JOHAN B LWN. NAIB JOHAN A | 2.8.75 | SABTU | 4.30 ptg. |
| AKHIR | | | |
| PERLAWANAN AKHIR | 2.8.75 | SABTU | 5.00 ptg. |

8. BOLA JARING WANITA

| NAMA PASUKAN | HARIBULAN | HARI | JAM |
|---|---|---|---|
| BIMA LWN MAKANAN | 29.7.75 | SELASA | 4.30 ptg. |
| PESAKA LWN PUTRA | 31.7.75 | KHAMIS | 4.30 ptg. |
| SEPARUH AKHIR | | | |
| JOHAN B LWN. NAIB JOHAN A | 11.8.75 | ISNIN | 4.30 ptg. |
| JOHAN A LWN. NAIB JOHAN B | 14.8.75 | KHAMIS | 4.30 ptg. |
| AKHIR | | | |
| PERLAWANAN AKHIR | 19.8.75 | SELASA | 4.30 ptg. |



COPYRIGHT © UiTM

KEJOJANAN SUKAN K.K.U.I.T.M.
KEDUA (1975)
UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN

1. JENIS SUKAN YANG DIPERTANDINGKAN:

1. Bola Sepak (lelaki)
2. Sepak Takraw (lelaki)
3. Bola Jaring (Perempuan)
4. Bulu Tangkis (Lelaki dan Perempuan)
5. Tennis Meja (Lelaki dan Perempuan)
6. Carrom (Lelaki dan Perempuan)
7. Catur
8. Hoki (Lelaki)

2. UNDANG-UNDANG PERTANDINGAN:

1. Tiap-tiap permainan akan dijalankan mengikut undang-undang permainan Persatuan Malaysia masing-masing.

3. PERATURAN PERTANDINGAN:

1. Semua pertandingan akan dijalankan secara sistem lig dan kalah mati.
2. Pesta ini terbuka kepada Kakitangan Bukan Akademiki I.T.M.
3. Semua pertandingan akan dijalankan mengikut masa dan tempat yang telah ditetapkan. Sebarang perubahan masa dan tempat tertakluk kepada pihak penganjur.
4. Jika kelewatan 10 minit dari masa yang ditetapkan maka diistiharkan kemenangan percuma pada pasokan lawannya.
5. Jika hujan dan pengadil mengatakan pertandingan tidak dapat dijalankan ia berhak membuat sebarang keputusan, walaubagaimanapun keputusan akhir akan ditentukan oleh pihak penganjur.
6. Ketua-ketua permainan hendaklah menyerahkan senarai nama-nama pemain dan simpanan kepada pengadil sebelum permainan dimulakan.
7. Jika kedua-dua pasokan mempunyai warna baju (jersey) yang sama pengadil berhak membuat keputusan.
8. Tiap-tiap permainan akan dijalankan secara berikut:-

a. BOLA SEPAK:-

Mempunyai 11 pemain dan 3 simpanan. Masa permainan ialah 35-5-35. Jika seri masa tambah 5 - 5 minit diberikan. Jika keputusan masih seri, 5 tendangan penalti diberikan dan seterusnya sehingga keputusan akhir, dicapai.

b. SEPAK TAKRAW:-

Mempunyai 9 pemain dan 1 simpanan. Pertandingan terdiri dari 3 regu.

c. BOLA JARING:-

Mempunyai 7 pemain dan 2 simpanan. Masa 20 - 5- 20 minit. Undang-undang baru akan digunakan. 2 pemain boleh ditukar jika cedera.


COPYRIGHT © UiTM

d. TENIS MEJA (Camporan):-

Mempunyai 2 pemain lelaki persaorangan, 2 bergu lelaki dan satu bergu wanita. Setiap pemain hanya dibenarkan bermain dua permainan sahaja. Hanya 8 orang sahaja boleh didaftar.

e. BULU TANGKIS (Campuran):-

2 lelaki persaorangan,
2 bergu lelaki dan 1 bergu wanita.
Setiap pemain hanya boleh bermain dua permainan sahaja. Hanya 8 orang pemain boleh didaftarkan.

f. CATUR:-

3 pemain, lelaki atau perempuan.

CARROM:-

2 perseorangan lelaki, 2 regu lelaki, 1 regu perempuan. Hanya 8 orang pemain boleh didaftarkan.

h. HOKI

Mempunyai 7 pemain 3 simpanan, masa perlawanan 15 - 3 - 15 minit. Jika didapati seri, akan diberi 1 mata tiap-tiap pasukan (ini semasa perlawanannya leg). Pada perlawanan separoh akhir, jika didapati seri, pukulan penalti sebanyak 5 kali.

BADAN RAYUAN:

Terdiri daripada:

1. Pengerusi Badan Penganjur juga sebagai Pengerusi Badan Rayuan.
2. Yang diPertua KKUITM.
3. Setiausaha Agung KKUITM atau wakilnya.
4. Setiausaha Jawatankuasa Kerja Kejohanan Sukan.
5. Dua orang daripada ahli Jawatankuasa penganjur termasok seorang wanita. Sebarang aduan hanya boleh dibuat melalui badan ini. Aduan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pegawai Pasokan yang berkenaan dalam masa 24 jam selepas tamat pertandingan tersebut, dan disertakan *wang sebanyak $120/=* sebagai pertarohan. Keputusan Badan Rayuan adalah muktamad.
6. Jika tidak sabit aduan, wang pertarohan akan menjadi milik Kejohanan Sukan KKUITM.

BADAN DISIPLIN:

Terdiri daripada:

1. Yang diPertua KKUITM.
2. Setiausaha Agung KKUITM.
3. Pegawai Sukan ITM.
4. Setiausaha Jawatankuasa Kejohanan Sukan.


COPYRIGHT © UiTM

## PENGHARGAAN

Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Kejohanan Sukan KKUITM 1975, mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dermawan-Dermawan juga sumbangan-sumbangan lain untok menjayakan Kejohanan Sukan ini, terutamanya:-

| | |
|---|---|
| Datin Zaleha Arshad<br>(Isteri Timbalan Gabnor Bank Negara) | - Piala Johan Keseluruhan. |
| Encik Tahir Abd. Majid<br>(Pemangku Pengarah ITM) | - Piala Catur |
| En. Abd. Kuddus Hj. Ahmad<br>(Pendaftar ITM) | - Piala Tennis Meja |
| En. Abd. Rahman Razali<br>(Pengurus Makanan ITM) | - Piala Bola Jaring Wanita |
| En. Sulaiman Samsuri<br>(Penolong Pendaftar ITM) | - Piala Karrom |
| Dr. Koh Boh Cheng<br>(Klinik Dr. Koh Shah Alam) | - Piala Bola Tangkis |
| En. Abd. Halim Manan<br>(Gerai Makanan ITM) | - Piala Sepak Takraw<br>- Piala Hoki |
| Sharikat Perusahaan Bersatu<br>UMNO Petaling Jaya | - Piala Bola Sepak |

Puan Sharifah Mariam Ghazali
(Pegawai Perhubungan Awam ITM)

En. Ameran Rerah
(Pegawai Sukan ITM)

Pengadil-Pengadil Pertandingan.

Kepada mereka-mereka yang menyumbangkan tenaga dan khidmat-khidmat untok menjayakan kejohanan sukan ini.

COPYRIGHT © UiTM

a. Pengadil hendaklah membuat sebarang aduan mengenai disiplin dalam masa 24 jam, selepas kejadian tersebut. Aduan persatuan, dan rupa bentuk tindakan.

b. Badan ini akan mengadakan mesyuarat dalam masa 12 jam setelah aduan diterima. Selagi badan ini belum bermesyuarat permain yang berkenaan tidak akan dibenarkan mengambil bahagian dalam Pesta Sukan KKUITM Pertama ini.

c. Keputusan yang diambil oleh badan disiplin ini tidak boleh diperbincangkan lagi dan adalah muktamad.

Untuk keterangan lanjut sila berhubung dengan Setiausaha Perancang Kejohanan Sukan ini.

Terima kasih.

Disediakan oleh:
Jawatankuasa Perancang
Kejohanan Sukan KKUITM Pertama



COPYRIGHT © UiTM